

0910

U B949 DEB
MAHATHIR - UMNO

JITRA, 28 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERIDR MAHATHIR MOHAMAD GEMBIRA DENGAN PERJALANAN MESYUARAT-MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN DI SELURUH NEGARA KERANA KEBANYAKANNYA TELAH MEMATUHI NASIHAT MAJLXS TERTINGGI SUPAYA MENGELAKKAN PERTANDINGAN BAGI JAWATAN-JAWATAN PENTING.

PRESIDEN UMNO ITU BERKATA, HAL ITU MERUPAKAN YANG SEBAIK-BAIKNYA BAGI UMNO UNTUK MENGHADAPI PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG.

+TUNGGULAH HINGGA LEPAS PILIHAN RAYA. BILA DIADAKAN PEMILIHAN PARTI LEPAS PILIHAN RAYA, KALAU NAK BERTANDING JUGATERSERAHLAH, KITA TIDAK MELARANG. TETAPI BIARLAH PERTANDINGAN ITU TIDAK MEMBAWA KEKECOHAN ATAU PERPECAHAN,+ KATANYA KEPADA PEMBERITASELEPAS MERASMIKAN MESYURAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN KUBANG PASU DI DEWAN SEKOLAH MENENGAH JITRA DI SINI HARI INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR DIPILIH SEMULA SEBAGAI KETUA UMNO BAHAGIAN KUBANG PASU TANPA PERTANDINGAN.

DALAM UCAPANNYA SEBELUM ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR MENGHURAIKAN BAGAIMANA PERJUANGAN PARTI SEMANGAT 46, YANG KONONNYA BERJUANG UNTUK MENEGAKKAN SEMULA SEMANGAT UMNO YANG DITUBUHKAN PADA 1946, TELAH TERPESONG DARIPADA SEMANGAT SEBENAR UMNO PADA TAHUN ITU. -- LAGI.
1435MST 28 08 89

0917

UB955 DEB
MAHATHIR - UMNO 2 JITRA

ANTARA LAIN, BELIAU BERKATA, UMNO DITUBUHKAN PADA TAHUN 1946 UNTUK HENYATUPADUKAN ORANG MELAYU BAGI MENENTANG PENJAJAHAN INGGERIS, SEBALIKNYA PARTI SEMANGAT 46 PULA MEMUSUHI UMNO DAN BERPAKAT DENGAN MUSUH-MUSUH UMNO.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENGHURAIKAN BAGAIMANA TENGKU RAZALEIGH HAMZAH MEMPUYAI PELUANG CERAH UNTUK MENJADI PERDANA MENTERI SEKIRANYA BELIAU SANGGUP BERSABAR SEDIKIT DAN HANYA BERTANDING JAWATAN NAIB PRESIDEN PADA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO PADA 1987.

+KALAU TENGKU RAZALEIGH BERTANDING NAIB PRESIDEN PADA 1987, SUDAH TENTU BELIAU AKAN MENDAPAT UNDI TERBANYAK DAN HENJADI NAIB PRESIDEN NOMBOR SATU (ANTARATIGA NAIB PRESIDEN UMNO).

+APABILASAYA BERUNDUR, ENCIK GHAFAR BABA (TIMBALAN PERDANA MENTERI) NAIK JADI PERDANA MENTERI, SUDAH TENTU BELIAU (TENGKU RAZALEIGH) AKAN MENGIKUT DI BELAKANG ENCIK GHAFAR,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

SEBALIKNYA, KATA PERDANA MENTERI, TENGKU RAZALEIGH TIDAK SABAR UNTUK MENJADI PERDANA MENTERI HINGGA KELUAR DAN MENENTANG UMNO. -- LAGI.

1445MST 28 08 89

0918

U 8956 DEB
MAHATHIR - UMNO 3 JITRA

BELIAU JUGABERKATA, PERJUANGAN PARTI SEMANGAT 46 BUKAN UNTUK MENCAPAI KEMENANGAN DALAM PILIHAN RAYA KERANA PARTI ITU SENDIRI TAHU BAHAWA MEREKA TIDAK AKAN MENANG TETAPI SEMATA-MATA HENDAK MELEMAHKAN UMNO DAN MENGURANGKAN UNDI UMNO.

KATANYA, PELUANG BAGI PARTI SEMANGAT 46 UNTUK MEMENANGI PILIHAN RAYA MEMANG TIDAK ADA KERANA MEREKA TIDAK MENDAPAT SOKONGAN RAMAI, MEMANDANGKAN 1.3 JUTA DARIPADA 1.4 JUTA BEKAS ANGGOTA UMNO YANG DIHARAMKANDAHULU, TELAH MENYERTAI SEMULA UMNO.

MENTERI BESAR KEDAH, DATUK SERI HAJI OSMAN AROFF DIPILIH SEBAGAI TIMBALAN KETUA UMNO BAHAGIAN ITU, MANAKALA ANGGOTA EXCO HAJI HANAFI SEBAGAI NAIB KETUA, TANPA PERTANDINGAN. -- BERNAMA.

1446MST 28 08 89